

TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 17 – SURAH AL-ISRA'



<https://youtu.be/rnYYErjkdGE>

VIDEO – [Durasi – 27m 47s] – SURAH AL-ISRA' – Tafsir (Struktur Makro) – Maulana Muhd Asri Yusoff

TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 17 – SURAH AL-ISRA'

TANDA MASA TAJUK PERBINCANGAN

- 1- [00:51](#) – Mesej Utama
- 2- [06:36](#) – Zaman Diturunkan
- 3- [08:42](#) – Kelebihan Surah Bani Israil
- 4- [10:39](#) – Perkaitan Surah Bani Israil Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya
- 5- [12:05](#) – Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah
- 6- [12:08](#) -a. Di dalam Surah Bani Israil selain dinyatakan keistimewaan dan keutamaan Al-Qur'an, dinyatakan juga sikap orang musyrikin terhadapnya
- 7- [16:38](#) – b. Satu lafaz khusus telah digunakan sebanyak tiga kali di dalam Surah Bani Israil iaitu lafaz [استغزاز](#).
- 8- [25:23](#) – c. Kesalahan-kesalahan dan jenayah-jenayah yang dilakukan oleh Bani Israil dan seruan Islam untuk mereka
- 9- [25:57](#) – d. Di dalam Surah Bani Israil juga digunakan perkataan [وکیل](#) sebagai sifat Tuhan

SINOPSIS

=====

MESEJ UTAMA SURAH AL-ISRA'

=====

1. Setelah seruan supaya beriman kepada al-Quran disampaikan, pemimpin Quraisy berusaha membantun (menghapuskan sehingga ke akar umbi) Nabi s.a.w dan pengikut-pengikutnya dari bumi Mekah. Ianya tak ubah seperti tindakan Fir'aun terhadap Nabi Musa dan pengikut-pengikutnya dahulu. Tetapi Allah, sebaliknya, telah membantun mereka.

2 Berita gembira akan menguasai Mekah dan Baitul Maqdis.

=====

KELEBIHAN SURAH ISRA'

=====

Hadith bermaksud: Rasulullah s.a.w. tidak tidur di atas tilamnya sebelum membaca Surah Bani Israil (al-Isra') dan Surah az-Zumar

=====

TEMA UTAMA AL-ISRA'

=====

Keistimewaan dan keutamaan al-Quran

- a) Qur'an menunjukkan jalan yang lurus (Ayat 9).
- b) Al-Qur'an ibarat serampang dua mata, sebagaimana ia menjadi penawar dan rahmat kepada orang-orang mu'min, ia juga menjadi sebab kepada orang-orang zalim bertambah rugi (Ayat 82).
- c) Al-Qur'an dapat menjadi pembimbing kepada orang-orang yang percaya akan adanya hari akhirat, manakala kepada orang-orang yang mengingkari hari akhirat ia menjadi dinding yang menghalang mereka daripada mendapat petunjuk (Ayat 45)
- d) Al-Qur'an mencabar jika sekalian manusia dan jin saling bekerjasama untuk menulis kalam seperti al-Qur'an ini nescaya mereka tidak akan mampu melakukannya kerana kalam Allah sama sekali tidak akan sama dengan kalam makhluk (Ayat 88).

NOTA KULIAH LENGKAP– MUAT TURUN ATAU BACA ONLINE

NOTA TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 17 – AL-ISRA'

[<https://raudhahquranschool.files.wordpress.com/2020/06/17.-surah-al-isra.pdf>]